

MyMP SURVEY: ACCESSIBILITY AND ENGAGEMENT BETWEEN THE RAKYAT AND MEMBERS OF PARLIAMENT (MPs)



1. Introduction

The Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights (MCCHR) under its UndiMsia! programme conducted a national online survey for two weeks from 11 to 25 July 2018. This survey is part of an ongoing UndiMsia! project, called MyMP. The survey evaluates a number of factors, including:

- i. Whether voters knew their MPs;
- ii. Voter interest in engaging and communicating with their MPs;
- iii. Voter difficulties in trying to communicate with their MPs; and
- iv. Questions that voters want to ask their MPs.

2. Summary

The survey consisted of three main parts:

A. Awareness

Part A evaluated how well citizens knew their MPs and their constituency.

B. Engagement

Part B focused on assessing how difficult it is for voters to communicate and get in touch with their MPs about issues affecting them, and voter desire to engage with their MPs.

C. Personal Information

Part C gathered basic information about the respondents profile. We also gave respondents the opportunity to write questions to their MPs.

The survey was conducted in Malay and English using Google Forms. It was shared on social media platforms, namely UndiMsia's Twitter, Instagram and Facebook.

3. Main findings (percentages rounded off to the nearest 0.1%)

- 3.1 404 people responded to the survey..
- 3.2 78.5% of the respondents took the survey in English, the rest in Malay.
- 3.3 Main demographics:

- 3.3.1. 21.0% of the respondents were between 18 and 24 years old.
- 3.3.2. 36.1% of the respondents were between 25 and 34 years old.
- 3.3.3. 24.8% of the respondents were between 35 and 44 years old.
- 3.3.4. 53.0% of the respondents were from Selangor and Kuala Lumpur.
- 3.4 Awareness
 - 3.4.1 91.8% of respondents knew their MP.
 - 3.4.2 92.5% of respondents knew their federal constituency.
 - 3.4.3 A majority of respondents viewed the main role of their MPs to be:
 - 3.4.3.1 debating and passing laws at the national level; and
 - 3.4.3.2 ensuring state public facilities are in good order.
- 3.5 Engagement
 - 3.5.1 Respondents were asked to evaluate the difficulty they experienced in communicating with their MP on a scale of 1 (very difficult) to 10 (very easy):
 - 3.5.1.1 40.8% of respondents answered with values less than 5, of which 14.4% answered with value 1; and
 - 3.5.1.2 36.4% of respondents answered with values more than 5, of which 5.7% answered with value 10.
 - 3.5.2 Respondents were asked to evaluate how much they wished to communicate with their MPs on a scale of 1 (I do not want or need to contact my MP) to 10 (I want or need to communicate with my MP):
 - 3.5.2.1 7.9% of respondents answered with values less than 5, of which 3.2% answered with value 1; and
 - 3.5.2.2 80.6% of respondents answered with values more than 5, of which 28.0% answered with value 10.

4. Conclusion

Although most of the respondents are aware of their constituency and their MP, they generally find it difficult to communicate and engage with their elected representative. A vast majority of the respondents expressed the desire to communicate and engage with their MP. Most of the respondents had specific questions on issues that affect them that they wish to share with their MP.

The topics frequently mentioned were:

- i. Employment issues, especially for youths
- ii. How to communicate with the MP and stay informed about progress
- iii. Child marriage
- iv. Refugee/immigration issues
- v. Plans and promises for the future
- vi. Further engagement on social media
- vii. Reforming education and empowering youths
- viii. Transportation and housing issues.

KAJI SELIDIK MyMP: KEBOLEHAKSESAN DAN PENGLIBATAN ANTARA RAKYAT DAN AHLI-AHLI PARLIMEN



1. Pengenalan

Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights (MCCHR) di bawah program UndiMsia! telah menjalankan satu kaji selidik kebangsaan atas talian selama dua minggu dari 11 hingga 25 Julai 2018. Kaji selidik ini adalah sebahagian daripada projek berterusan UndiMsia! yang dinamakan MyMP. Kaji selidik ini menilai beberapa faktor, termasuk:

- i. Sama ada para pengundi mengenali ahli Parlimen mereka;
- ii. Minat pengundi untuk melibatkan diri dan berkomunikasi dengan ahli Parlimen mereka;
- iii. Kesukaran pengundi untuk cuba berkomunikasi dengan ahli Parlimen mereka; dan
- iv. Soalan-soalan yang ingin ditanyakan oleh pengundi kepada ahli Parlimen mereka.

2. Ringkasan

Kaji selidik ini merangkumi tiga bahagian utama:

A. Kesedaran

Bahagian A menilai pengetahuan rakyat mengenai ahli Parlimen dan kawasan pilihan raya mereka.

B. Penglibatan

Bahagian B berfokuskan penilaian terhadap kesukaran yang dialami oleh pengundi untuk berkomunikasi dan menghubungi ahli Parlimen mereka mengenai isu-isu yang menjejaskan mereka dan hasrat pengundi untuk berhubungan dengan ahli Parlimen mereka.

C. Maklumat Peribadi.

Bahagian C mengumpul maklumat asas profil responden. Kami juga memberi peluang kepada responden untuk menulis soalan-soalan kepada ahli Parlimen mereka.

Kaji selidik ini dijalankan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris menggunakan *Google Forms* (borang Google). Ianya telah disebarikan melalui platform media sosial antaranya Twitter, Instagram dan Facebook untuk UndiMsia!

3. Hasil penemuan utama (peratusan dibundarkan kepada 0.1% yang terdekat)

- 3.1 404 orang telah mengambil bahagian dalam kaji selidik ini.
- 3.2 78.5% responden menjawab dalam Bahasa Inggeris, selainnya dalam Bahasa Malaysia.
- 3.3 Demografik utama:
 - 3.3.1 21.0% responden berumur antara 18 hingga 24 tahun.
 - 3.3.2 36.1% responden berumur antara 25 hingga 34 tahun.
 - 3.3.3 24.8% responden berumur antara 35 dan 44 tahun.
 - 3.3.4 53.0% responden berasal dari Selangor dan Kuala Lumpur.

- 3.4 Kesedaran
- 3.4.1 91.8% responden mengenali ahli Parlimen mereka.
 - 3.4.2 92.5% responden mengenali kawasan pilihan raya parlimen mereka.
 - 3.4.3 Majoriti responden berpendapat bahawa peranan ahli Parlimen mereka ialah untuk:
 - 3.4.3.1 berdebat dan meluluskan undang-undang di peringkat kebangsaan; dan
 - 3.4.3.2 memastikan kemudahan awam negeri berfungsi dengan baik.
- 3.5 Penglibatan
- 3.5.1 Responden diminta untuk menilai kesukaran yang dialami dalam komunikasi dengan ahli Parlimen mereka, pada skala 1 (sangat susah) ke 10 (sangat senang);
 - 3.5.1.1 40.8% responden menjawab nilai kurang daripada 5, termasuk 14.4% yang menjawab nilai 1; dan
 - 3.5.1.2 36.4% responden menjawab nilai lebih daripada 5, termasuk 5.7% yang menjawab nilai 10.
 - 3.5.2 Responden diminta untuk menilai tahap keinginan untuk berkomunikasi dengan ahli Parlimen mereka pada skala 1 (Saya tidak mahu/perlu untuk menghubungi ahli Parlimen saya) ke 10 (Saya mahu/perlu untuk berkomunikasi dengan ahli Parlimen saya);
 - 3.5.2.1 17.9% responden menjawab nilai kurang daripada 5, termasuk 3.2% yang menjawab nilai 1; dan
 - 3.5.2.2 80.6% responden menjawab nilai lebih daripada 5, termasuk 28.0% yang menjawab nilai 10.

4. Kesimpulan

Meskipun kebanyakan responden mengetahui kawasan pilihan raya dan ahli Parlimen mereka, secara umum, mereka mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dan menghubungi wakil rakyat mereka. Majoriti besar responden menyuarakan hasrat untuk berkomunikasi dan menghubungi ahli Parlimen mereka. Kebanyakan responden mempunyai soalan-soalan spesifik mengenai isu-isu yang menjejaskan mereka yang ingin dikongsikan bersama ahli Parlimen mereka. Topik yang selalu dibangkitkan adalah:

- i. Isu pekerjaan, terutamanya bagi belia.
- ii. Bagaimana untuk berkomunikasi dengan ahli Parlimen dan kekal maklum mengenai perkembangan sesuatu isu.
- iii. Perkahwinan kanak-kanak bawah umur.
- iv. Isu pelarian dan pendatang tanpa izin.
- v. Rancangan dan janji-janji untuk masa hadapan.
- vi. Penglibatan lanjut di media sosial.
- vii. Reformasi pendidikan dan pemerksaan belia.
- viii. Isu pengangkutan dan perumahan.